

URUS TADBIR NEGERI PAHANG SEBELUM ZAMAN KOLONIAL

Nizamuddin Alias

Fakulti Sains Kemanusiaan

Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia
nizamuddin@fsk.upsi.edu.my

Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain

Fakulti Pengurusan Industri

Universiti Malaysia Pahang, 26300 Kuantan, Pahang, Malaysia
Email: nazruhelmy@ump.edu.my

ABSTRAK

Malaysia merupakan sebuah negara yang masih muda dalam konteks negara bangsa (nation state). Seperti negara-negara membangun di rantau ini yang merdeka pada pertengahan kurun ke-20, Malaysia masih lagi bergelut bagi melupakan trauma zaman penjajahan. Penjajah British meninggalkan kesan yang sangat besar dari segi politik, ekonomi dan sosial negara ini. Sekalipun bendera Union Jack diturunkan secara rasmi pada 31 Ogos 1957, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa masih ramai lagi orang berpandangan bahawa kemajuan yang dikehendaki sekarang tidak akan berlaku tanpa kolonialisme. Justeru lebih banyak wacana dekolonialisasi mesti dibuat bagi memecahkan pandangan sedemikian. Orang Melayu sudah pun memiliki ketamadunan tersendiri sejak dari zaman yang silam. Kertas ini meninjau struktur pentadbiran tradisional yang ada di negeri Pahang sebelum Zaman Kolonial. Tumpuan diberikan kepada Sistem Pembesar Empat Lipatan dan pemakaianya di Pahang. Metodologi yang digunakan ialah analisis teks dengan pendekatan kualitatif. Untuk itu, kajian kepustakaan menjadi pilihan utama dengan mengambil kira teks-teks Melayu lama, catatan-catatan pengembala ke Pahang, rekod-rekod British dan penulisan oleh sejarawan. Lama sebelum kedatangan kuasa Eropah ke rantau ini, penduduk tempatan telah memiliki kerajaan dan sistem pemerintahan yang tersendiri. Sistem tersebut adalah berdasarkan sejarah dan tradisi Pahang, serta disesuaikan dengan bentuk mukabumi negeri tersebut dan keperluan mereka.

Kata kunci: Sistem pemerintahan, pentadbiran, aristokrat

PENDAHULUAN: NEGERI PAHANG ZAMAN AWAL

Lama sebelum penjajah datang, orang Melayu telah mendirikan beberapa buah kerajaan di Kepulauan Melayu. Kerajaan-kerajaan tersebut muncul disebabkan kedudukan Kepulauan Melayu itu sendiri yang sangat strategik. Pedagang-pedagang dari sebelah barat Kepulauan Melayu seperti dari Benua Kecil India, Parsi dan Tanah Arab ingin mendapatkan barang dari China. Manakala pedagang dari China, Kepulauan Ryukyu, Annam dan Champa pula ada yang inginkan barang dari sebelah Barat. Ini membawa kepada kemunculan beberapa kerajaan di bahagian Segenting Kra dan utara Semenanjung Tanah Melayu seawal kurun ketiga masihi. Kewujudan kerajaan-kerajaan ini dapat diperolehi daripada pelbagai rekod, antaranya dari rekod orang China, orang Yunani dan orang India (Zainal Abidin Abdul Wahid, 1996).

Pada kurun ketujuh sebuah kerajaan bernama Srivijaya muncul di Palembang, Sumatra. Kerajaan ini dipercayai menakluk beberapa kawasan di Semenanjung Tanah Melayu. Rekod Arab menyatakan bahawa Srivijaya itu disebut Zabag. Pada tahun 1225 misalnya seorang penulis China bernama Chau Ju Kua menyatakan bahawa Pong Fong (Pahang) sebagai salah satu jajahan takluk San Fo-ts'i (Srivijaya). Pada tahun 1349 seorang penulis China yang lain bernama Wang Ta Yuan ada menyebut tentang P'eng K'eng (Pahang) dan Patuma (Pulau Tioman?) dalam karyanya –“Tao Yi Chi Lioh”. Di samping rekod orang Arab dan orang China, nampaknya Pahang juga ada disebut dalam rekod orang Jawa. Menurut ‘Nagarakertagama’ yang dikarang pada tahun 1365, Pahang bersama Ujung Medini (Johor), Muar, Langkasuka, Kelantan, Terengganu, Paka, Dungun, Tumasik (Singapura), Sang Hyang Ujong (Sungai Ujong), Kelang dan Kedah adalah negeri-negeri yang membayar ufti kepada Majapahit. Selain itu, Hikayat Pasai pula ada menyebut beberapa buah tempat di pantai timur Semenanjung Tanah Melayu antaranya Pulau Tioman, Pulau Tinggi, Pulau Pemanggil dan Pulau Laut (Linehan, 1936).

Maklumat tambahan dari Linehan ada memetik catitan tentang Pahang dalam karya orang China yang berjudul History of Ming Dynasty (1368-1644). Diperturunkan di sini catitan mereka mengenai Pahang dalam kurun ke-14 dan ke-15 Masihi.

“Pahang is situated at the west of Siam. In the year 1378, the king, Maharaja Tajau, sent envoys with a letter on gold leaf, and bringing as tribute six foreign slaves, and products of the country. They were received according to the established rules.

“In the year 1411, the king, Pa-la-mi-so-la-ta-lo-si-ni sent envoys carrying tribute. In 1412, Cheng Ho went as an envoy to their country, and in the year 1414 they sent tribute again.

“In the year 1416, they sent tribute together with Calicut and Java, and Cheng Ho was again ordered to go there.

“The soil of this country is fertile; the climate is always warm, and rice is abundant there; they make salt by boiling sea water, and wine by fermenting the sap of the coconut tree.

“The higher and lower classes are on a very intimate footing, and there are no thieves; they were very superstitious regarding demons and spirits, making their images of fragrant wood, and sacrificing men to them, in order to avert calamities or to pray for happiness.

“Amongst the articles they brought as tribute were elephant teeth, camphor baros, olibanum, lignum aloes, sandalwood, pepper, sapanwood and much more...” (Linehan, 1936).

Pernyataan yang dibuat oleh penulis-penulis yang tersebut di atas menerangkan bahawa Pahang adalah sebuah tempat yang penting di sebelah pantai timur Semenanjung Tanah Melayu. Ia mungkin wujud pada awalnya sebagai sebuah negeri merdeka ataupun menjadi negeri uftian kepada mana-mana kuasa lain yang lebih besar daripadanya. Untuk memudahkan pemahaman, urus tadbir Negeri Pahang ini dapat dibahagikan kepada tiga zaman yang berbeza iaitu Zaman Melaka, Zaman Bendahara (Kurun ke-18), dan Zaman Bendahara Sewa Raja Tun Ali.

ZAMAN MELAKA

Melaka diasaskan oleh Parameswara, seorang putera raja dari Palembang sekitar tahun 1400. Perpindahannya ke Melaka adalah satu langkah strategik kerana kekuasaan Srivijaya sebenarnya mulai merosot apabila diserang oleh Raja Chola pada awal kurun ke-11 Masihi. Pusat kerajaan tersebut juga telah berpindah ke Jambi. Tambahan pula terdapat kerajaan baru muncul di Jawa, dan ia turut memberi saingan kepada Srivijaya. Menjelang kurun ke-13 Masihi, kerajaan-kerajaan

di Semenanjung Tanah Melayu mula mengisytiharkan kemerdekaan masing-masing. Kerajaan Sukhothai yang diketuai oleh Raja Ramkhamhaeng pula mula melebarkan pengaruhnya di Segenting Kra dan Semenanjung Tanah Melayu (Zainal Abidin Abdul Wahid, 1996).

Sumber China dan Portugis masing-masing mencatatkan nama pengasas Melaka ini Pai-li-mi-su-la atau Parameswara. Kemungkinan besar nama ini menunjukkan bahawa baginda beragama Hindu. Ini tidaklah menghairankan kerana Srivijaya itu sendiri ialah kerajaan Hindu-Buddha. Baginda juga ialah menantu kepada Raja Hayam Wuruk, iaitu Raja Majapahit yang terakhir. Disebabkan Raja Hayam Wuruk tidak mempunyai anak, berlaku konflik perebutan kuasa apabila baginda mangkat. Parameswara turut terlibat dalam pertelingkahan itu, tetapi cubaanya gagal dan terpaksa melarikan diri dari Majapahit. Pada mulanya baginda melarikan diri ke Temasik (Singapura) dan diterima oleh Temagi, wakil Siam di situ. Persengketaan tercusus di antara kedua-duanya yang berakhir dengan pembunuhan Temagi. Paramewara tinggal di situ selama tiga tahun, namun tentera Majapahit datang menyerang Temasik menyebabkan baginda terpaksa berundur ke arah utara. Baginda sampai di Melaka dan mendapat tempat itu sesuai untuk membina negeri. Dengan kebijaksanaannya, Melaka berkembang dengan pesat. Apabila rombongan Laksamana Cheng Ho tiba di Melaka, Parameswara segera mengambil peluang membuat hubungan diplomatik dengan Dinasti Ming (1368-1644). Langkah tersebut amat tepat kerana hubungan dengan China membolehkan Melaka mendapat perlindungan dari suatu kuasa besar, sekaligus serangan musuh seperti Siam dan Majapahit dapat dicegah dari awal. Tidak lama kemudian Melaka mula mengembangkan kuasanya di bahagian lain Semenanjung Tanah Melayu, termasuklah Pahang.

Menurut Sulalatus Salatin (lebih dikenali dengan nama Sejarah Melayu), Pahang dahulunya adalah di bawah kekuasaan orang Siam. Negeri Pahang itu disebut: “Adapun dahulu kala Pahang itu negeri besar, takluk ke Benua Siam, Maharaja Dewa Sura nama rajanya, keluarga juga dengan Paduka Bubunny”. Pemerintah Melaka ketika itu ialah Sultan Mansur Syah. Baginda mahukan Pahang kerana diberitakan “Ada di dalam Pahang itu sebuah negeri, Pura namanya; air sungainya tohor, dengan pasirnya terlalu baik; air sungainya itu tawar dating ke laut. Dan ada emas urai di sana, dan padangnya amat luas, dan isi hutannya gajah, seladang, rusa, beruk. Adapun diceriterakan orang, adapun seladang itu kecil sedikit daripada gajah” (Shellabear, 1977).

Sebilangan sejarawan menyatakan bahawa Pahang itu ditakluki oleh Melaka pada zaman Sultan Mansur Syah iaitu sekitar tahun 1457 sehingga 1459. Serangan itu berjaya menyebabkan Pahang takluk ke Melaka. Seorang panglima Melaka bernama Seri Bija Diraja telah ditempatkan di Pahang sebagai wakil Sultan Melaka di situ. Seri Bija Diraja itu dilengkapi dengan gendang nobat, kecuali *nagara* (gendang tabal yang besar), dan payung iram berapit. Puteri Pahang bernama Puteri Wanang Seri atau yang bernama Puteri Lela Wangsa telah diperisterikan oleh Sultan Mansur Syah (Buyong Adil, 1984).

Apabila berlakunya tragedi pembunuhan Tun Besar (anak Tun Perak) oleh Raja Ahmad, putera Sultan Mansur Syah, pemerintah Melaka memutuskan bahawa anak baginda dirajakan di Pahang. Ini disebut dalam Sejarah Melayu yang menyatakan bahawa baginda ditabah oleh Seri Nara Diraja. Pahang ketika itu dinyatakan besarnya dari Sedili hingga ke Terengganu. Sejak dari itu Pahang diperintah oleh raja-raja berketurunan dari Sultan Melaka. Hubungan di antara kedua-duanya adalah baik dan ini dapat dilihat apabila Pahang mematahkan cubaan Siam untuk menguasai negeri itu pada tahun 1500.

Pada zaman Sultan Abdul Ghaffar Mahyuddin Shah, Hukum Kanun Pahang telah digubal. Sumber ini penting kerana ia menggambarkan sistem pentadbiran yang ada di Pahang pada waktu pemerintahan baginda sekitar tahun 1592 sehingga 1614 Masihi. Dalam mentadbir Pahang, baginda telah melakukan penambahbaikan kepada Undang-undang Pahang yang diwarisi daripada Hukum Kanun Melaka. Ini perlu dibuat kerana pertahanan, ekonomi dan kedudukan undang-undang berteraskan Islam menjamin kestabilan dan kemakmuran negeri yang diperintah baginda (Ahmad Farid Abdul Jalal et al, 2022).

Hukum Kanun Pahang menyatakan bahawa Sultan dibantu oleh sekumpulan pembesar. Oleh sebab Negeri Pahang ketika itu diperintah oleh raja-raja dari keturunan Sultan Melaka, maka boleh disimpulkan bahawa susun atur dan tatakelola negeri dijalankan seperti mana yang ada dalam Kerajaan Melaka. Nama-nama jawatan pembesar juga tidak jauh berbeza seperti yang dinyatakan dalam teks Hukum Kanun Melaka. Sebagai contoh, Bendahara tugasnya ialah membantu raja dalam segala urusan pentadbiran negeri. Hal yang sama dapat dilihat ketika zaman Kesultanan Melaka. Hukum Kanun Pahang menyebut – “Maka adapun Temenggung hukum dalam negeri dan tafahus”; Penghulu Bendahari pula “menyurat dia segala hamba dan mengiring segala hasil yang naik kepadanya dan memulih segala pekerjaannya yang dalam pagar istana”; Shahbandar pula bertugas “menghukumkan segala dagang dan anak yatim yang teraniaya dan adat segala jong

dan balok dan sebagainya”. Ada juga sekumpulan pembesar lain yang dinamakan mangkubumi dan menteri – “diserahkannyalah segala hukum dan adat tertib kerajaannya dan ehwal segala menterinya adalah menentukan ia” (Yaakub Isa, 2003). Kesemua pembesar ini menjalankan tugas mereka seperti mana yang dinyatakan dalam Hukum Kanun Pahang dan adat istiadat Melayu yang diwarisi turun-temurun.

ZAMAN BENDAHARA (KURUN KE-18)

Kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511 menyebabkan Pahang turut terlibat dalam kancan politik kerajaan Johor yang menjadi pengganti kepada Kerajaan Melaka. Pesaing-pesaing Johor ialah Portugis di Melaka serta Kerajaan Aceh, sebuah kuasa baru di utara Sumatra. Aceh berkembang pesat dan raja-rajanya menjalankan dasar peluasan kuasa. Kegemilangan Aceh dapat disaksikan ketika pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1607-1636). Pahang pernah diserang Aceh yang menyebabkan ribuan tawanan dibawa pulang ke sana termasuklah keluarga diraja. Bagaimanapun dengan peredaran zaman Johor yang menjadi pengganti Melaka pulih dengan cepat. Ini sedikit sebanyak dibantu oleh peranan pembesar-pembesar Johor yang berperanan dengan cekap membangunkan semula Johor.

Terjadi satu peristiwa yang besar di Johor pada tahun 1699 iaitu peristiwa pembunuhan Sultan Mahmud II (Marhum Mangkat Dijulang). Pengganti Sultan Mahmud II ialah bendahara baginda sendiri yang bernama Tun Abdul Jalil. Baginda naik takhta dan mengambil gelaran Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV. Pelantikan baginda ini adalah selaras dengan adat Melayu turun-temurun yang menyatakan jika raja mangkat tetapi tiada waris sah, bendaharalah yang berhak menaiki takhta. Bagaimanapun, pada tahun 1717-1718 Masihi, ada seorang yang bernama Raja Kechil mengaku dirinya adalah anak kepada Marhum Mangkat Dijulang. Sultan Abdul Jalil tewas dan Raja Kechil naik takhta dengan mengambil gelaran Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah. Bekas bendahara itu dikembalikan ke jawatan asalnya. Raja Sulaiman dan Tengku Tengah (putra dan putri bekas bendahara) tidak berpuas hati dan membuat pakatan dengan anak raja Bugis lima bersaudara. Anak-anak Raja Bugis tersebut bersetuju membantu mereka dengan syarat salah seorang daripada anak Raja Bugis tersebut hendaklah dijadikan Yamtuan Muda secara turun-temurun. Dengan bantuan golongan Bugis itu Raja Sulaiman berjaya merampas kembali takhta kerajaan Johor pada tahun 1722.

Ketika krisis politik berlaku di Johor, bekas Sultan Johor Sultan Abdul Jalil itu pergi ke Pahang. Baginda memberikan Pahang untuk diperintah oleh adinda baginda yang bernama Tun Abdul Jamal (Raja Indera Bongsu) (Buyong Adil, 1984). Sejak daripada itulah Pahang diperintah oleh keluarga bangsawan dari Johor. Beliau menjadi wakil mutlak Sultan Johor di Pahang, dan sejak dari tahun itu juga dapat disimpulkan bahawa kawasan pegangan Bendahara Johor ialah Pahang. Di antara kuasa-kuasa bendahara ialah melantik Sultan. Namun begitu, apabila seorang bendahara meninggal dunia, pengganti beliau ditentukan pula oleh Sultan. Dari sudut pentadbiran negeri Pahang pada waktu itu, tidak banyak maklumat diperolehi kerana kekurangan rekod bertulis. Namun begitu, tidak keterlaluan untuk dikatakan bahawa Hukum Kanun Pahang adalah tetap diguna pakai seperti mana adat melayu yang lain.

Keturunan Bendahara kekal memerintah Pahang sepanjang kurun ke-18. Keberadaan mereka dalam struktur kuasa Kerajaan Johor-Riau menyebabkan adakalanya mereka turut terheret dalam kancan dan pertikaian politik antara golongan bangsawan Melayu dan Bugis. Awal kurun ke-19 Masihi menyaksikan perebutan kuasa di antara 4 orang anak Bendahara Tun Abdul Majid bagi menguasai Pahang iaitu Tun Abdul Mutualib, Tun Muhammad, Tun Koris dan Tun Da. Krisis politik itu menyebabkan terbunuhnya Tun Abdul Mutualib, yang dibunuh oleh bapa saudaranya sendiri iaitu Temenggung Abdul Jamal (Aruna Gopinath, 1991). Tun Abdul Majid bagaimanapun meninggal dunia dan digantikan oleh anaknya Tun Muhammad. Sultan Mahmud Shah III yang bersemayam di Daik (Lingga) berkenan melantik Tun Muhammad. Bendahara yang baharu itu pun pulang ke Pahang dari Riau. Malangnya bendahara itu perahunya dipukul ribut kencang ketika menyeberang dari Pulau Tioman ke Endau dan mangkat di laut bersama-sama isterinya yang kemudiannya digelar orang Marhum Mangkat di Laut (Buyong Adil, 1984). Pemerintahan Pahang kemudiannya diambil alih oleh seorang lagi anak Bendahara Tun Abdul Majid iaitu Tun Koris. Dia diingati sebagai seorang yang kejam kerana membunuh 38 orang anak kapal Marhum Mangkat di Laut, kerana mereka itu tidak mau mati bersama tuannya. Bendahara Tun Koris ialah seorang Bendahara Pahang yang keras pemerintahannya.

ZAMAN BENDAHARA SEWA RAJA TUN ALI (1806-1857)

Pada tahun 1806 Sultan Mahmud Syah III yang bersemayam di Lingga berkenan melantik Tun Ali (juga dikenali Wan Ali) sebagai Bendahara Pahang yang baharu dengan gelaran Bendahara Sewa Raja. Ketika dilantik, bendahara itu baharu berumur 25 tahun. Keadaan politik Semenanjung Tanah Melayu pada awal abad ke-19 Masihi turut memberi kesan kepada kedudukan bendahara yang baharu itu. Pengaruh kuasa Eropah seperti Belanda dan Britain mula berkembang

pesat. Tambahan pula wujudnya rasa tidak puas hati sesama golongan bangsawan Johor-Riau-Lingga yang sedikit sebanyak membawa kepada perpecahan empayar tersebut.

Dari segi politik, Sultan Johor-Riau-Lingga bersemayam di sebuah tempat bernama Daik di Pulau Lingga. Yamtuan Muda yang secara turun temurunnya dari golongan bangsawan berketurunan Bugis menjadikan Riau menjadikan Riau sebagai pusat pemerintahan. Temenggung Johor pula kawasan pegangannya ialah tanah besar Johor, Pulau Singapura dan kawasan sekitarnya menetap di Bulang, sebuah pulau dalam Kepulauan Riau. Bendahara Johor-Riau-Lingga pula kawasan pegangannya ialah Pahang. Apabila kuasa-kuasa di pusat semakin melemah, ia membuka ruang kepada pemerintah tempatan seperti Bendahara dan Temenggung mengukuhkan kekuasaan mereka di kawasan masing-masing.

Apabila Britain menabalkan Tengku Long sebagai Sultan Singapura bergelar Sultan Hussein Syah, Bendahara Tun Ali memberi respon bahawa beliau tetaplah bertuan ke Daik (iaitu menerima titah dari Sultan yang bersemayam di sana). Perjanjian London 1824 yang ditandatangani oleh pihak Britain dan Belanda membahagikan bahagian barat Kepulauan Melayu kepada dua kawasan pengaruh. Perjanjian itu menjadikan Selat Melaka dan Selat Singapura sebagai sempadan lingkungan kekuasaan kedua-dua kuasa Eropah tersebut. Apabila isi perjanjian itu diketahui oleh Bendahara Tun Ali, dia mengibaratkannya seperti menceraikan adik-beradik, anak beranak dan sahabat handai (Buyong Adil, 1984).

Pada masa pemerintahan Bendahara Tun Ali itu Hikayat Pahang ada menyebutkan bahawa - “Ketika itu sangatlah aman dan makmurnya hingga 25 gantang beras satu ringgit beras. Demikianlah barang-barang lain, jenis makan-makanan dan banyaklah isi negeri kaya-kaya dari Kuala Pahang hingga penghabisan hulu. Jikalau hendak membeli emas dengan sebentar dapat beberapa puluh ribu ringgit dan orang bermiaga masuk keluar tiada apa-apa kena cukai (bia), maklumlah raja yang adil lagi murah” (Kalthum Jeran, 1997). Ketika pemerintahan baginda tiada cukai dikenakan untuk barang-barang keluar masuk Pahang, kecuali Sungai Kuantan. Lembangan Sungai Kuantan mengandungi bijih timah yang kaya dan ia dimiliki oleh Bendahara sendiri.

Bagi memperkemaskan pentadbiran negeri, sementelah pula Pahang ialah negeri yang terbesar di Semenanjung Tanah Melayu, terdapat empat pembesar utama di bawah kekuasaan Bendahara Tun Ali. Pembesar-pembesar itu ialah:

- (i) Orang Kaya Indera Maharaja Perba di Jelai
- (ii) Orang Kaya Indera Segara di Temerloh
- (iii) Orang Kaya Indera Pahlawan di Chenor
- (iv) Orang Kaya Indera Shahbandar di Pekan

Dapat dibuat kesimpulan bahawa Melaka ialah sumber kepada sistem kerajaan dan sosial di Pahang memandangkan Melaka menakluk Pahang ratusan tahun sebelumnya. Rangka politik Pahang umumnya mempunyai banyak persamaan dengan negeri-negeri Melayu Pantai Barat yang lain. Kenyataan ini adalah berdasarkan konsep Hindu-Islam yang menentukan hirarki pegawai-pegawai di bawah pemerintah. Masyarakat pula dibahagikan kepada kelas-kelas yang mempunyai susunan menurun (Aruna Gopinath, 1991). Sistem pembesar 4 Lipatan turut diguna pakai, dan ini adalah sama seperti dahulunya di Melaka.

Bendahara di Pahang ialah raja pemerintah yang sebenar dan memiliki kuasa mutlak. Ini disebabkan negeri tersebut ialah kawasan pegangan salah satu jawatan yang paling utama dalam pentadbiran kerajaan Johor-Riau-Lingga. Takhta dimiliki secara turun-temurun dan menurut adat Temenggung, hanya anak lelaki atau saudara lelaki yang berhak mewarisi, sekiranya pemerintah yang mangkat tidak memiliki anak lelaki. Pelantikan pengganti biasanya ditentukan oleh para pemilih yang dihormati dan akan diterima oleh sekalian pembesar dan rakyat.

Aruna Gopinath menyebut bahawa seorang pelawat British bernama Jervois pada tahun 1875 melihat bahawa Bendahara Tun Ali mempunyai hubungan yang rapat dengan para pembesar utama dan sentiasa berbincang dengan mereka. Pembesar utama adalah juga berketurunan diraja, memiliki gelaran yang boleh diwariskan kepada anak cucu, dan berkuasa melantik ketua atau penghulu bagi pengikut mereka. Kawasan kawalan pembesar utama berbeza mengikut kedudukan sungai-sungai. Sebagai contoh, sempadan kawasan bagi Maharaja Perba merentang dari “Kuala Jelai ke puncanya, bersama-sama anak sungai di tebing kiri dan kanannya sehingga ke puncak air meleleh”. Orang Kaya Indera Segara Temerloh berkuasa di sungai Triang sehingga ke sempadan Rembau dan Selangor, manakala Orang Kaya Indera Pahlawan Chenor berkuasa ke atas kawasan Bera dan Kuala Luit. Orang Kaya Indera Syahbandar pula menguasai kawasan antara Luit dan Bebar.

Pelantikan pembesar-pembesar ini adalah di bawah kuasa Bendahara. Di bawah Orang Besar Berempat ada Orang Besar Berlapan atau pembesar-pembesar peringkat kedua. Mereka memiliki gelaran turun-temurun dan mempunyai kuasa yang berbeza mengikut jarak dari Pekan. Di kawasan pedalaman pembesar ini diberikan penghormatan seperti raja. Secara teori Orang Besar Berempat dan Orang Besar Berlapan mempunyai kuasa yang lebih kurang sama. Mereka berhak mengenakan sebarang sekatan ke atas pembesar lain yang lebih rendah tarafnya (Aruna Gopinath, 1991).

Orang Besar Berlapan yang terkemuka adalah seperti Orang Kaya Lipis dan Orang Kaya Semantan. Kebanyakan nama jawatan dan kawasan yang dikuasai oleh pembesar ini tidak banyak berubah sehingga meletusnya Perang Saudara Pahang. Dalam konteks kerajaan Melayu tradisional, fungsi pembesar ialah mengutip cukai, mentadbirkan kawasan pegangannya, menjalankan kuasa kehakiman serta pelaksanaan khidmat ‘kerah’ sekiranya diperlukan oleh pemerintah. Pembesar-pembesar itu pula lazimnya dibantu oleh penghulu (Rahmat Saripan et al, 1991).

Linehan mencatatkan bahawa Maharaja Perba Jelai mempunyai sembilan orang penghulu di bawah kuasanya; Orang Kaya Chenor mempunyai tujuh penghulu di bawah seliaannya, manakala Orang Kaya Indera Shahbandar mempunyai enam orang penghulu di bawah seliaannya (Linehan, 2020). Apabila Sultan Ahmad menaiki takhta Pahang pada tahun 1863 setelah Perang Saudara Pahang tamat, struktur pentadbirna ini tidak banyak berubah. Jika pun ada perubahan, ia hanyalah bertujuan memberi penghargaan kepada individu tertentu yang berjasa kepada baginda dalam perang tersebut.

KESIMPULAN

Pahang sebagai sebuah negeri Melayu yang tua memiliki sejarah yang cukup panjang. Ia telah diduduki oleh orang Melayu dan penduduk peribumi lain sejak zaman berzaman. Pemerintahan Kerajaan Melayu Melaka meninggalkan kesan yang besar dalam sistem pentadbiran negeri Pahang sebelum perkembangan kuasa imperialis Eropah seperti Belanda dan Britain di rantau ini pada kurun ke-19 Masihi. Sistem pemerintahan ini adalah disesuaikan menurut sejarah, tradisi dan bentuk geografi Pahang itu sendiri. Lebih banyak lagi kajian hendaklah dibuat agar masyarakat Malaysia memahami kepentingan dan warisan mereka sendiri.

RUJUKAN

- Abdul Jalal, A.F., & Abdul Rahim, R.A et al. (2022). Manuskip Hukum Kanun Pahang, Antara Kepentingan dan Kritikan Sarjana Kolonial, *Jurnal Melayu Sedunia*, Vol 5, Issue 1, 89-99.
- Buyong Adil. (1984). *Sejarah Pahang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gopinath, A. (1991). *Pahang A Political History*. Kuala Lumpur: Malaysian Branch of Royal Asiatic Society
- Isa, Y. (2003). *Hukum Kanun Pahang*. Pekan: Lembaga Muzium Negeri Pahang.
- Jeran, K. (1997). *Hikayat Pahang*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Linehan, W. (2020). *A History of Pahang*, Kuala Lumpur: Silverfish Books Sdn Bhd.
- Saripan, R. et al (1991). *Masyarakat Melayu Abad Ke-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shellabear, W.G. (1977). *Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Wahid, Z.A. (1996). *Malaysia Warisan dan Perkembangan*, Ed.2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.